

Pusat kajian perubahan iklim bakal dibuka akhir 2020 di NUS

SATU pusat kajian baru yang akan memberi tumpuan kepada bagaimana alam sekitar dapat digunakan bagi menangani perubahan iklim akan ditubuhkan menjelang akhir tahun ini di Universiti Nasional Singapura (NUS).

Langkah itu juga mencerminkan minat Singapura menyertai usaha sejagat mencari penyelesaian bagi perubahan iklim berasaskan alam semula jadi, lapor *The Straits Times* (ST).

Pusat baru itu, yang dinamakan Pusat bagi Penyelesaian Iklim berasaskan Alam Semula Jadi akan diterajui oleh saintis bidang pemuliharaan, Profesor Koh Lian Pin.

Beliau, 43 tahun, akan pulang ke Singapura dari Seattle, Amerika Syarikat, di bawah skim Yayasan Kajian Nasional (NRF) setelah bertugas di luar negara selama lebih 10 tahun.

Profesor Koh mengatakan bahawa antara penyelesaian alam semula jadi itu termasuk pelestarian, pemuliharaan dan pengurusan ekosistem alam semula jadi seperti hutan, tanah lembap dan tanah pertanian yang dipertingkatkan.

Tambah beliau, jika tanah setempat itu diuruskan dengan baik, ia bakal meningkatkan jumlah karbon di sekitaran yang diserap alam semula jadi. Ini merujuk kepada proses semula jadi di

mana pokok-pokok dan tanah menyerap karbon dioksida.

Misalnya, jika tumbuhan menjalani proses fotosintesis, mereka menggunakan cahaya matahari untuk menukarkan karbon dioksida kepada bahan organik yang kemudian disimpan sebagai biojisim di dalam batang dan akar tumbuhan itu.

Proses ini bakal mengurangkan jumlah karbon dioksida di sekitaran dan sekaligus menyumbang kepada pengurangan perubahan iklim dan mempertingkatkan daya tahan iklim juga.

Karbon dioksida merupakan bahan gas yang dihasilkan oleh kegiatan

manusia seperti pembakaran bahan fosil untuk menghasilkan tenaga elektrik.

Ia merupakan gas rumah hijau utama yang memacukan perubahan iklim.

Profesor Koh telah merujuk kepada satu kajian yang diterbitkan pada 2017 dalam satu jurnal sains yang mendapati bahawa penyelesaian alam semula jadi merupakan langkah bagi mengurangkan pengeluaran karbon dioksida hingga 2030 yang lebih berkesan dan jimat sebanyak 37 peratus.

Ia juga memberi kesempatan untuk mengekalkan suhu pemanasan bumi supaya tidak melepasi taraf praindustri bawah dua darjah Celsius.